

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih "Secure Warranty Takaful". Pastikan juga anda telah membaca Terma & Syarat produk ini.

TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD
(Ahli PIDM)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

SECURE WARRANTY TAKAFUL

Tarikh:

1) Produk apakah ini?

Produk ini menyediakan perlindungan terhadap kegagalan komponen mekanikal dan elektrikal kenderaan terpakai anda yang tidak diduga.

2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** – merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta Takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta-peserta Takaful atau kepada beneficiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk menjalankan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota : Sila rujuk Terma & Syarat untuk maklumat lanjut.

3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Produk ini melindungi komponen mekanikal dan elektrikal yang berkaitan dengan item berikut dalam tempoh Takaful:

- Enjin
- Sistem Bahan Api
- Transmisi Manual dan Automatik
- Brek

Had bagi setiap tuntutan adalah sehingga RM10,000 dan jumlah tuntutan keseluruhan adalah sehingga RM30,000 untuk keseluruhan tempoh Takaful. Kami menawarkan dua (2) jenis tempoh perlindungan iaitu:

- Enam (6) bulan atau sehingga 15,000 km; atau
- Dua belas (12) bulan atau sehingga 30,000 km,

Mana-mana berlaku dahulu.

Nota : Sila rujuk Terma & Syarat untuk butiran lengkap mengenai perlindungan dan manfaat produk.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan anda perlu bayar bergantung kepada tempoh Takaful, kapasiti kubik kenderaan, buatan dan model kenderaan terpakai yang dipilih dan keperluan pengunderaitan kami. Sila hubungi kami untuk sebarang pertanyaan mengenai Sumbangan Takaful.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Yuran/Caj	Amaun
Yuran Wakalah	75% daripada sumbangan yang terdiri dari: <ul style="list-style-type: none"> • Komisen – sehingga maksimum 25% • Perbelanjaan lain – 50%
Duti Setem	RM10.00
Cukai yang digunakan	Kadar semasa yang dikenakan.

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon produk takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk produk ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga sijil anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Perubahan Risiko

- Jika terdapat perubahan berlaku pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, apa-apa penukaran berlaku dan mengubah secara material mana-mana fakta yang diberikan pada tarikh cadangan, anda hendaklah memberi notis secara bertulis kepada kami dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh perubahan, dan hendaklah membayar sumbangan tambahan jika diperlukan.

Ekses

- Perlindungan tidak termasuk empat belas (14) hari pertama dari tarikh permulaan perlindungan

Waranti Sumbangan Takaful

- Sumbangan Takaful kepada pihak Syarikat mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endorsmen / pembaharuan Sijil Takaful. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful ini akan terbatal secara automatik dan pihak Syarikat memiliki hak terhadap Sumbangan Takaful pro-rata bagi tempoh Syarikat menyediakan perlindungan.

Bayaran Sumbangan

- Pembayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit/ i, Kad Kredit/ i atau Pembayaran Dalam Talian kepada pihak Syarikat. Sila simpan resit sumbangan yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa hadapan. Anda juga boleh memilih untuk menggunakan pembiayaan Bank untuk sumbangan perlindungan ini.

Pembaharuan

- Sijil Takaful ini hanya boleh disertai sekali dan oleh itu tiada pilihan untuk pembaharuan dan tidak boleh dipindah milik.

Tuntutan

- Sebarang permohonan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Pemberian Sah kami serta-merta selepas kerosakan yang berkaitan pada komponen yang dilindungi telah menjadi jelas.
- Sila ambil perhatian bahawa kenderaan terpakai anda mesti diservis secara kerap mengikut keperluan servis yang dinyatakan di dalam Terma & Syarat Secure Warranty Takaful.
- Kegagalan untuk memenuhi keperluan servis seperti yang dinyatakan di dalam Terma & Syarat Secure Warranty Takaful akan mengakibatkan perlindungan di bawah Sijil Takaful ini dihentikan secara automatik dengan serta-merta dan sebarang tuntutan selepas itu akan ditolak.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

Nota : *Senarai ini adalah senarai yang tidak lengkap. Sila rujuk kepada Terma & Syarat untuk maklumat lanjut.*

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kerosakan yang disebabkan oleh kecuaian.
- Kerosakan yang disebabkan oleh kakisan.
- Kerosakan yang disebabkan oleh sebarang perkara asing yang memasuki kenderaan atau ke dalam bahagian kenderaan.
- Kerosakan akibat daripada kekurangan penyelenggaraan.

Nota: *Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Terma & Syarat untuk senarai penuh pengecualian*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini tetapi anda tidak layak mendapat bayaran balik sumbangan Takaful.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Secure Warranty Takaful, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

Tiada produk seumpama



Notis Perlindungan PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA & SYARAT PRODUKINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/04/2025